

# Perakui hak OKU, elak diskriminasi masyarakat

**K**elihatan kesedaran dan tanggungjawab masyarakat kita dalam membela dan mengupayakan kedudukan orang kurang upaya (OKU) bertambah tinggi. Perkembangan ini suatu yang amat positif dan perlu dihargai. Bersempena sambutan Hari OKU Sedunia pada 3 Disember lalu, pelbagai acara dianjurkan kerajaan dan agensi kemasyarakatan bagi mempertingkatkan kesedaran dan tanggungjawab masyarakat terhadap kepentingan peranan mengupayakan OKU di negara kita.

Sehubungan itu, inisiatif Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyediakan khutbah solat Jumaat khusus bagi mewujudkan kesedaran awam dalam kalangan masyarakat Islam mengenai tanggungjawab ini perlu dipuji. Dicapada perspektif Islam, kedudukan OKU amat tinggi. Ingatan al-Quran supaya masyarakat Islam memberi keutamaan dari segi kebajikan dan layanan kepada golongan yang kurang berkeupayaan adalah jelas.

Nabi Muhammad SAW menunjukkan sikap dan akhlak terpuji ketika melayan OKU dengan perlakuan memimpin orang yang lemah dan menyeru orang ramai membantu mereka, sebagaimana dirakam di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud daripada Jabir bin Abdillah. Nilai kasih sayang agama terhadap OKU amat tercerna dalam kandungan wahyu dan sunnah Rasulullah.

Kini, ia menjadi tanggungjawab umat Islam untuk menterjemahkan nilai kasih sayang agama terhadap OKU dalam pelbagai aspek kehidupan semasa. Adalah penting untuk dijelaskan iaitu kasih sayang terhadap OKU adalah satu nilai yang dikongsikan seluruh kemanusiaan sejagat. Semangat ini tergambar dalam sejumlah ketetapan yang dicapai pada Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 13 Disember 2006.

## Ketidakupayaan diiktiraf

Pada dokumen itu, negara anggota bersepakat memperakui antaranya, memberi pengiktirafan bahawa ketidakupayaan adalah satu konsep yang sentiasa berkembang dan ketidakupayaan adalah nati-jah daripada halangan persekitaran yang mengekang pembabitian mereka secara menyeluruh serta berkesan dalam masyarakat atas asas sama rata dengan orang lain. Dokumen juga mengiktiraf bahawa diskriminasi terhadap sesiapa sahaja yang kurang upaya adalah satu pencabulan martabat maruah dan nilai seseorang manusia.

Bagi tujuan itu, dokumen menganjurkan negara anggota supaya meningkatkan kepentingan bagi mewujudkan kerjasama antara

bangsa untuk menambah baik keadaan hidup OKU di setiap negara, terutama di negara membangun.

Di negara kita, hak OKU diberi pengiktirafan dan perhatian khas menerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Berpandukan 30 Artikel Hak Asasi Manusia, kedudukan OKU terjaga dari segi perundangannya. Selaku sebahagian daripada keluarga besar warga umat manusia ini, OKU diperakui untuk memperoleh kebebasan, keselamatan, keadilan, perlindungan undang-undang dan politik, pemilikan harta, menyatakan pendapat, berkerja, memperoleh pendidikan, mengamalkan budaya dan agamanya. Artikel ini hendaklah dihormati semua pihak dan mesti direalisasikan dalam kerangka Perlembagaan Malaysia.

## Diberi peluang sama rata

Aspek penting tentu sekali ialah bagaimana untuk memastikan OKU mempunyai ruang penyertaan yang setanding bagi mereka menyumbang kepada pembangunan negara secara menyeluruh. Penyertaan OKU tidak boleh diketepikan kerana mereka tentu mempunyai kekuatan dan keistimewaan sendiri dalam aspek kemahiran serta daya akliah yang boleh dimanfaatkan oleh negara.

Pada masa kini, kemajuan teknologi dan inovasi boleh membantu banyak aspek bagi tujuan mengatasi halangan ketidakupayaan OKU sama ada dalam bentuk penglihatan, pendengaran atau pergerakan. Langkah terpenting mengenalpasti keperluan yang dikehendaki dan menyelaraskan langkah-langkah tindakan.

Inisiatif oleh Majlis Dakwah Negara, Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM) baru-baru ini juga wajar dirakam dan dijadikan contoh inisiatif bagi langkah pengupayaan OKU menerusi projek membangunkan konsep Masjid Mesra OKU. Projek ini adalah inisiatif bagi merealisasikan tanggungjawab memberi hak kepada OKU beribadah dan menghayati ajaran agama dengan sempurna. Bagi tujuan itu, masjid sebagai pusat ibadah bagi umat Islam akan disyorkan untuk menyediakan kemudahan terbaik bagi keperluan OKU sama ada dari segi kemudahan pergerakan, alatan pembelajaran, tunjuk ajar dan bimbingan. Di samping itu, tuntutan meningkatkan kualiti kebajikan OKU, terutama yang menghadapi ketidakupayaan kekal hendaklah terus digandakan demi meringankan tanggungan seterusnya meningkatkan kesejahteraan kehidupan secara menyeluruh.



## Penulis

ialah pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, UKM



**DR MUHAMMAD RAZAK IDRIS**

rencana@bh.com.my